

Teknologi Hijau (2014):

Berita Harian:

MIGHT, MGTC meterai MoU tingkat inisiatif hijau di Melaka

JUMAAT, 19 DISEMBER 2014 @ 3:27 PM

KUALA LUMPUR: Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Melaka Green Technology Corporation (MGTC) untuk menggiatkan inisiatif hijau mereka dalam Program Komuniti Pintar Dipacu Industri. Dalam satu kenyataan bersama ia berkata kerjasama itu membabitkan enam projek dipacu industri di Melaka bagi fasa satu pada 2014-2015 dengan MIGHT sebagai rakan penyediaan utama di bawah Pelan Tindakan Bandar Raya Hijau (GCAP) yang selesai pada April 2014.

Projek awal itu menyasar jumlah pelaburan industri sebanyak RM550 juta. "Melaka adalah negeri pertama menetapkan garis panduan bagi inisiatif hijau dan melaksanakan Rangka Tindakan Bandar Raya Teknologi Hijau 2011-2020," kata Ketua Menteri Datuk Seri Idris Haron. Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MIGHT Datuk Dr Yusoff Sulaiman berkata: "MIGHT dan MGTC akan bekerjasama membangunkan model industri sebagai bandar demonstrasi pertama sebagai penanda aras bagi dicontohi tempat lain di negara ini bermula 2016. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/24136>

Pemaju digalak reka lebih banyak 'bangunan hijau' - Mahdzir

SELASA, 11 NOVEMBER 2014 @ 1:32 PM

KUALA LUMPUR: Kerajaan sentiasa menggalakkan pihak pemaju di negara ini untuk menyediakan rekaan bangunan yang mempunyai ciri-ciri bangunan hijau untuk manfaat jangka panjang. Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata usaha itu akan terus dilaksanakan walaupun terdapat kekangan dari segi peraturan rekaan bangunan. "Pemaju perlu menghantar rekaan bangunan yang telah disiapkan kepada Majlis Bandaraya untuk kebenaran merancang. Sehingga kini sudah ada rekaan bangunan daripada pemaju yang mempunyai ciri-ciri bangunan hijau. "Ini termasuk rekaan pendingin hawa, tadahan air hujan yang boleh digunakan di semua tandas bagi membolehkan air terawat digunakan untuk tujuan lain," katanya menjawab soalan Datuk Dr Marcus Mojigoh (BN-Putatan) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Mojigoh ingin tahu sama ada kerajaan menggalakkan pemaju mematuhi rekaan bangunan bercirikan bangunan hijau bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk melestarikan alam sekitar. Justeru, Mahdzir berkata setakat ini semua negeri termasuk di Kota Kinabalu, Kuching serta beberapa bandar lain mempunyai bangunan bersifat mesra alam dan mencapai pengiktirafan Indeks Bangunan Hijau (GBI). "Ada beberapa bangunan hijau yang berstatus perak, emas dan platinum. Namun bangunan berstatus platinum masih tidak banyak," katanya memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus memberi galakan kepada pemaju untuk membangunkan bangunan menepati garis panduan GBI.

Status platinum adalah peringkat tertinggi pengesahan dalam standard bangunan mesra alam. Menjawab soalan Dr Che Rosli Che Mat (PAS-Hulu Langat) pula, Mahdzir berkata kerajaan juga akan menggiatkan pelbagai program kesedaran kepada masyarakat mengenai teknologi hijau dan bangunan hijau yang membawa persekitaran baik untuk kehidupan. Katanya, kerajaan telah menubuhkan Yayasan Hijau (YaHijau) Malaysia bertujuan membantu kerajaan meningkatkan kesedaran dan menggalakkan gaya hidup mementingkan alam sekitar dalam kalangan rakyat negara ini. Yayasan itu dilancarkan Mac lepas selaras dengan pengumuman penubuhannya yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada pembentangan Bajet 2014. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/16911>

PM gesa negeri kaji semula dasar rumah kos rendah

KHAMIS, 6 NOVEMBER 2014 @ 12:06 AM

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menggesa semua negeri mengkaji semula dasar berkaitan rumah kos rendah dan mengemukakan pendekatan telus dan terangkum untuk sistem pengagihan saksama. Ini, katanya, bagi memastikan perumahan kos rendah disediakan di tempat yang diperlukan dan bukan dibina di kawasan yang permintaannya tidak dapat dipastikan. "Perhatian utama terhadap dasar perumahan dibuat berdasarkan kedudukan uniknya kepada masyarakat; bukan hanya sebagai satu penerokaan perniagaan untuk keuntungan, malah sebagai satu sektor dengan tanggungjawab khusus.

"Menerusi dasar perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana, selain kuota Bumiputera dan diskaun, perumahan adalah komponen penting dalam agenda pembangunan kerajaan secara menyeluruh," katanya dalam ucapan merasmikan Wisma REHDA di Petaling Jaya di sini, malam ini. Najib juga memberi jaminan bahawa kerajaan akan menjalankan dasar positif untuk sektor perumahan dan pasaran hartanah. "Kita mahu pertumbuhan yang kukuh, kita tidak mahu ekonomi gelembung. Ekonomi yang menggelembung merupakan dasar sasaran jangka pendek, dan kita semua tahu kesannya. "Yang kita perlukan ialah pertumbuhan kukuh untuk industri ini dan pada masa yang sama memastikan industri perumahan berdaya maju dan adalah perniagaan yang mencatat keuntungan munasabah untuk majoriti mereka yang terlibat dalam sektor ini," katanya.

Beliau berkata, kerajaan dan peserta industri boleh mencari penyelesaian terbaik dalam isu yang sudah lama tertangguh, daripada kekurangan rumah mampu milik sehinggalah kuota Bumiputera yang tidak terjual. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dan terbuka, Najib juga menggesa sektor swasta, terutama Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah Malaysia (REHDA) untuk terus memberikan maklum balas bagi menyelesaikan isu dan cabaran dalam industri itu. Sepanjang lima tahun lepas, Najib berkata industri perumahan dan hartanah merupakan komponen kritikal dalam model ekonomi baharu menerusi peningkatan pembangunan moden bercampur, bandar bersepadu, pembangunan hijau dan pencakar langit di seluruh negara.

"Kita mahu semua rakyat Malaysia mempunyai akses kepada rumah yang mencukupi berkualiti dan mampu milik kediaman yang dilengkapi kemudahan yang sesuai untuk kehidupan lestari," katanya. Pada majlis itu Perdana Menteri menerima Anugerah Pemaju Induk REHDA atas komitmen dan

dedikasi tidak berbelah-bahaginya terhadap industri itu. Turut hadir, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Maximus Johnity Ongkili dan Presiden REHDA, Datuk Seri Fateh Iskandar Mohamed Mansor. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/15965>

Swasta, agensi kerajaan perlu kukuh kerjasama R&D teknologi hijau - TPM

KHAMIS, 16 OKTOBER 2014 @ 11:10 AM

KUALA LUMPUR: Syarikat swasta dalam industri teknologi hijau perlu bekerjasama dengan kerajaan dalam aspek penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk membolehkan negara mengeluarkan produk kepada pasaran pada harga berpatutan. Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata aspirasi itu sejajar hasrat kerajaan untuk memperkenalkan Pelan Induk Teknologi Hijau dalam tempoh terdekat ini. Katanya, kerjasama swasta dan kerajaan penting berikutan permintaan dan kesedaran berkenaan isu itu kini semakin mendapat perhatian di peringkat domestik dan tempatan. Produk teknologi hijau yang turut dikenali di pasaran komersial sebagai produk eko dikatakan mempunyai potensi besar di pasaran global terutama di negara maju.

"Mengikut laporan Program Alam Sekitar Bangsa Bersatu (UNEP) dan Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) nilai permintaan global bagi produk dan perkhidmatan mesra alam mencecah RM4.4 trilion pada 2008 dan dijangka meningkat dua kali ganda menjelang 2020. "Menerusi laporan itu, pemain industri tempatan perlu mengambil kesempatan bersama penyelidik dalam sektor ekonomi hijau menghasilkan produk komersial serta mengguna pakai teknologi lebih mesra alam dalam operasi penghasilannya," katanya berucap melancarkan Pameran dan Persidangan Produk Teknologi Hijau dan Eko Antarabangsa (IGEM 2014) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini, hari ini. Muhyiddin yang diiringi Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Johnity Ongkili serta timbalannya Datuk Seri Mahdzir Khalid, meluangkan masa lebih daripada 30 minit melawat pameran itu. Yang hadir sama, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron.

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/11922>

Malaysia, Belanda boleh kerjasama dalam pembangunan teknologi hijau

RABU, 15 OKTOBER 2014 @ 3:22 PM



DUTA Belanda ke Malaysia, Harry Molenaar berucap pada Persidangan dan Pameran Produk Eko dan Teknologi Hijau Antarabangsa Malaysia (IGEM 2014) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) hari ini. - Foto Twitter @harrymolenaar1

KUALA LUMPUR: Belanda dan Malaysia yang sedang ke arah mesra alam sekitar, boleh bekerjasama membangunkan teknologi hijau, kata Duta Belanda ke Malaysia, Harry Molenaar. "Belanda mempunyai pengalaman 30 tahun dalam aspek kelestarian serta pembangunan teknologi hijau dan boleh berkongsi pengetahuan dengan Malaysia dalam bidang termasuk agrologi, lebuhraya pintar dan pengurusan air sisa buangan," katanya. Beliau berkata, di Belanda, sekalipun kerajaan memainkan peranan penting dalam mengawal selia industri pada peringkat awal, sektor swasta perlu melaksanakan sepenuhnya bagi menjayakan usaha berkenaan. Sehubungan itu, katanya Malaysia harus memastikan sektor kerajaan dan swasta bersama-sama dalam usaha menjadikan negara ini mesra alam sekitar. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/11760>

Pembangunan Cyberjaya City Centre akan dimulakan pertengahan 2015

ISNIN, 6 OKTOBER 2014 @ 3:16 PM Shahrizan Salian shahrizan_salian@bh.com.my



CYBERJAYA: Cyberjaya City Centre (CCC) yang disasar mengubah sepenuhnya landskap bandar raya pintar Cyberjaya, dijangka mula dibangunkan pada separuh pertama tahun depan. CCC yang merangkumi tujuh fasa, akan dibangunkan dalam tempoh kira-kira 15 tahun bakal melengkapkan transformasi Cyberjaya daripada sebuah pusat teknologi maklumat (ICT) nasional kepada hab teknologi global. Pengarah Urusan Cyberview Sdn Bhd, Faris Yahaya, berkata syarikat sudah menghantar permohonan kebenaran merancang kepada pihak berkuasa tempatan dan setakat ini memperoleh kelulusan bersyarat untuk membangunkan CCC. Pembangunan CCC yang terletak berhadapan Universiti Limkokwing adalah berdasarkan pelan induk yang disemak semula tahun ini. "Kami sedang berunding dengan beberapa pemaju hartanah dan syarikat pembinaan bagi pembangunan fasa pertama yang membabitkan kawasan seluas 9.3 hektar.

"Sebaik persetujuan dicapai dengan mana-mana rakan pelaksana, kerja pembangunan akan dimulakan berkemungkinan pada separuh pertama tahun depan," katanya dalam satu pertemuan dengan BH di sini. Cyberview, yang diberikan mandat untuk membangunkan Cyberjaya ketika ini giat untuk menarik firma multinasional untuk menubuhkan operasi masing-masing di bandar raya pintar itu. Pembangunan CCC yang diumumkan setahun lalu, dianggap sebagai pemangkin untuk melengkapkan ekosistem yang sempurna kepada Cyberjaya sebagai sebuah bandar yang bukan saja berfungsi sebagai satu lokasi pelaburan hebat, malah sesuai didiami. Mengulas lanjut mengenai pembangunan fasa pertama CCC, Faris berkata antara kemudahan yang akan dibangunkan ialah laluan pejalan kaki yang bakal menghubungkan Cyberjaya dengan Putrajaya Sentral.

"Idea kami ialah memastikan terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dijalankan di CCC," katanya. Fasa pertama bakal membabitkan pembangunan bercampur termasuklah rancangan membina pusat

konvensyen pertama di Cyberjaya selain pangsapuri khidmat, ruang peruncitan serta unit pejabat. Dalam pada itu, Cyberview sudah mengenal pasti hingga 90 syarikat teknologi global ke Cyberjaya bagi membantu meningkatkan ekosistem bandar raya pintar itu melalui sembilan bidang tumpuan.

Lima daripada bidang berkenaan masih berkaitan ICT iaitu keselamatan maklumat, kandungan kreatif, internet mudah alih, perkomputeran awan dan analisis data besar manakala empat bidang lain di bawah kluster teknologi ialah teknologi hijau, bioteknologi, teknologi boleh diguna pakai dan grid pintar. Sesetengah syarikat yang dikenal pasti sudah mempunyai operasi di Malaysia namun disasar membuka pusat operasi tambahan di Cyberjaya, manakala terdapat syarikat yang belum pernah bertapak di negara ini. Antara syarikat terkemuka yang dikenal pasti ialah Google, Cloudera dan Ubisoft.

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/9972>

Syarikat Jepun mahu jadikan Malaysia hab R&D ASEAN

JUMAAT, 3 OKTOBER 2014 @ 8:04 PM Ahmad Fiesal Othman fsal@bh.com.my

OSAKA, Jepun: Usaha menarik pelaburan baharu dari Jepun dalam sektor berteknologi tinggi mula menampakkan kejayaan apabila sebuah syarikat sudah menyatakan komitmen untuk melabur dalam sektor kejuruteraan alam sekitar dan tenaga boleh diperbaharui. Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud, berkata syarikat Jepun berminat dengan langkah kerajaan mempromosikan sektor berteknologi baharu terutama teknologi hijau, elektronik termaju, automotif dan bioteknologi. "Selain pelaburan baharu itu, sekurang-kurangnya empat syarikat utama Jepun menyatakan komitmen untuk terus melabur di Malaysia," katanya ditemui selepas Seminar Peluang Perniagaan di Malaysia di sini hari ini.

Seminar itu adalah yang kedua diadakan di Jepun selepas Tokyo, sempena misi perdagangan dan Pelaburan Malaysia ke Korea Selatan dan Jepun yang berakhir hari ini. Azman berkata, usaha mempromosi serta mengetengahkan peranan Malaysia sebagai hab ASEAN juga mendapat perhatian syarikat Jepun yang mana sekurang-kurangnya empat syarikat utama negara itu menyuarakan hasrat untuk mewujudkan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) serantau. Sementara itu, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MATRADE, Datuk Dzulkifli Mahmud, berkata peniaga Malaysia digalakkan meneroka peluang perniagaan di wilayah Kansai yang terkenal sebagai pusat perindustrian dan pelabuhan utama negara matahari terbit itu.

Wilayah itu yang membabitkan beberapa bandar raya utama seperti Osaka, Kobe, Yogo dan Hiroshima terdapat banyak kilang dan pelabuhan terbaik serta pintu masuk utama kepada produk dari Malaysia yang dieksport ke Jepun bagi kegunaan industri negara itu. Selain terkenal sebagai pusat perindustrian yang menempatkan kilang beberapa syarikat automotif utama Jepun seperti Mazda, Toyota, Daihatsu, Suzuki serta lampu LED automotif, Kansai juga mempunyai potensi yang baik untuk perdagangan kerana terdapat ramai pelancong berkunjung ke sana. "Sebanyak 27 peratus perdagangan antara Malaysia dan Jepun adalah membabitkan wilayah Kansai dan Penerbangan Malaysia (MAS) serta AirAsia juga mendarat di situ," katanya.

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/9507>

Kementerian cadang penubuhan bank hijau, pengecualian GST produk hijau

KHAMIS, 11 SEPTEMBER 2014 @ 6:10 PM

KUALA LUMPUR: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air mengemukakan cadangan dalam Bajet 2015 untuk menubuhkan bank hijau Islam dan pengecualian Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ke atas produk hijau. "Cadangan penubuhan sebuah bank hijau ini adalah satu peningkatan daripada Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) yang dilancarkan pada 2010 untuk menawarkan pinjaman kepada projek-projek hijau melalui pemberi pinjaman komersial," kata Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Green Technology Corp, Ahmad Hadri Haris.

Malaysian Green Technology adalah organisasi bukan berasaskan keuntungan di bawah bidang kuasa kementerian. Skim GTFS yang telah meluluskan 145 projek dengan suntikan dana hampir RM2 bilion sehingga Julai tahun ini, menawarkan pembiayaan melalui pemberi pinjaman komersial. "Pemberi pinjaman komersial memerlukan proses kelulusan yang ketat, seperti penilaian saiz dan modal syarikat, serta nilai komersial untuk projek yang memerlukan dana itu. "Penubuhan dana modal teroka khusus akan membantu merangsang pertumbuhan teknologi hijau," katanya kepada pemberita semasa pra pelancaran Persidangan dan Pameran Teknologi Hijau dan Produk Eko Antarabangsa di sini hari ini.

Beliau berkata, bank hijau yang dicadangkan itu akan mengikut model perniagaan Malaysia Venture Capital Management Bhd, anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Inc. "Modal awal bagi bank hijau ini bukan daripada kerajaan, tetapi ia diperoleh di peringkat antarabangsa seperti India, China atau Timur Tengah," kata Ahmad Hadri. Ahmad Hadri berkata, bank hijau itu disasarkan sebagai dana modal teroka yang mematuhi syariah bagi membezakannya daripada bank hijau lain, seperti di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jepun. Sementara itu, kementerian juga telah mencadangkan pengecualian GST ke atas produk hijau produk yang mempunyai tanda MyHijau. Di bawah cadangan itu, mereka yang membeli peralatan penjimatan tenaga elektrik boleh dikecualikan daripada GST yang akan berkuat kuasa pada 1 April tahun depan. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/5632>

Pemaju digalak reka lebih banyak 'bangunan hijau' - Mahdzir

SELASA, 11 NOVEMBER 2014 @ 1:32 PM

KUALA LUMPUR: Kerajaan sentiasa menggalakkan pihak pemaju di negara ini untuk menyediakan rekaan bangunan yang mempunyai ciri-ciri bangunan hijau untuk manfaat jangka panjang. Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata usaha itu akan terus dilaksanakan walaupun terdapat kekangan dari segi peraturan rekaan bangunan. "Pemaju perlu menghantar rekaan bangunan yang telah disiapkan kepada Majlis Bandaraya untuk kebenaran merancang. Sehingga kini sudah ada rekaan bangunan daripada pemaju yang mempunyai ciri-ciri bangunan hijau. "Ini termasuk rekaan pendingin hawa, tadahan air hujan yang boleh digunakan di

semua tandas bagi membolehkan air terawat digunakan untuk tujuan lain," katanya menjawab soalan Datuk Dr Marcus Mojigoh (BN-Putatan) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Mojigoh ingin tahu sama ada kerajaan menggalakkan pemaju mematuhi rekaan bangunan bercirikan bangunan hijau bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk melestarikan alam sekitar. Justeru, Mahdzir berkata setakat ini semua negeri termasuk di Kota Kinabalu, Kuching serta beberapa bandar lain mempunyai bangunan bersifat mesra alam dan mencapai pengiktirafan Indeks Bangunan Hijau (GBI). "Ada beberapa bangunan hijau yang berstatus perak, emas dan platinum. Namun bangunan berstatus platinum masih tidak banyak," katanya memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus memberi galakan kepada pemaju untuk membangunkan bangunan menepati garis panduan GBI. Status platinum adalah peringkat tertinggi pengesahan dalam standard bangunan mesra alam.

Menjawab soalan Dr Che Rosli Che Mat (PAS-Hulu Langat) pula, Mahdzir berkata kerajaan juga akan menggiatkan pelbagai program kesedaran kepada masyarakat mengenai teknologi hijau dan bangunan hijau yang membawa persekitaran baik untuk kehidupan. Katanya, kerajaan telah menubuhkan Yayasan Hijau (YaHijau) Malaysia bertujuan membantu kerajaan meningkatkan kesedaran dan menggalakkan gaya hidup mementingkan alam sekitar dalam kalangan rakyat negara ini. Yayasan itu dilancarkan Mac lepas selaras dengan pengumuman penubuhannya yang dibuat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada pembentangan Bajet 2014. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/16911>

Bangunan Perdana Putra dapat sijil Indeks Bangunan Hijau (GBI) Platinum

ISNIN, 8 SEPTEMBER 2014 @ 2:20 PM



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak bersama timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyaksikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa menerima sijil GBI Platinum untuk Kompleks Perdana Putra dari Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KFM Holdings Sdn Bhd, Nurolamin Abas (kiri) di Putrajaya, hari ini. - Foto Mohd Fadli Hamzah

PUTRAJAYA: Bangunan Perdana Putra yang menempatkan pejabat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Negara dan agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri menerima sijil penarafan Indeks Bangunan Hijau (GBI) Platinum. Sijil berkenaan diterima Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada majlis penganugerahan sijil itu di bangunan berkenaan di sini sebentar tadi. Berucap pada majlis berkenaan, Najib berharap lebih banyak bangunan di Putrajaya dapat menggunakan teknologi hijau bagi menjadi bangunan jimat tenaga.

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/5080>

Borneo Post:

CREAM, CIDB jalankan penyelidikan berkonsep pembangunan mapan

May 7, 2014, Wednesday

KUCHING: Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia (CREAM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) kini menjalankan penyelidikan berkonsepkan pembangunan mapan, dengan membangunkan 'perkampungan lestari' di Akademi Binaan Malaysia di sini. Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) itu turut merangkumi pembangunan rumah contoh bagi perumahan mampu milik menggunakan konsep Divergent, Dwelling and Design (D3).

Menurut Pengerusi CREAM Datuk Hamzah Hasan, Sarawak adalah antara peneraju projek yang menonjolkan penggunaan bahan binaan lebih mesra alam dan berkonsepkan teknologi hijau itu. "Konsep pembangunan yang akan dibangunkan ini akan membantu ke usaha kerajaan ke arah menjadikan negara kita sebuah negara menghubungkan pembangunan berpaksikan kepada pertimbangan sosial, ekonomi dan alam sekitar. "Adalah diharapkan agar projek R&D ini dijadikan model yang dapat diaplikasikan oleh negara-negara yang mempunyai kepadatan penduduk miskin yang tinggi dan kawasan pedalaman terutama di Asia Tenggara," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Seminar Pembinaan di Kawasan Tanah Gambut di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Kerja Raya Datuk Zainuddin Zakaria, Ketua Eksekutif CIDB Datuk Seri Dr Judin Abdul Karim, Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya Dato Annies Md Ariff dan Ketua Pengarah Lembaga Lebu Raya Malaysia Datuk Ismail Md Salleh. Hamzah memberitahu, CREAM yang ditubuhkan pada 26 Mac 2004 bagi menjalankan R&D dalam bidang pembinaan akan terus menjalankan penyelidikan yang memenuhi keperluan industri pembinaan semasa.

Sehingga kini katanya, CREAM berjaya menjalankan projek R&D yang merangkumi bidang kejuruteraan berat, Sistem Binaan Berindustri (IBS), pembangunan mapan dan teknologi hijau dalam pembinaan dan hasil kajian ini telah membantu sedikit sebanyak ke arah penambahbaikan industri pembinaan negara. Beliau turut memaklumkan bahawa CREAM juga mempunyai kemudahan fasiliti

bagi kerja pengujian bahan dan struktur untuk pembinaan negara, Makmal Kerja Raya Malaysia yang terletak di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur. "Saya mengalu-alukan penggiat industri Sarawak khususnya untuk melihat sendiri fasiliti yang menyediakan pelbagai jenis pengujian kejuruteraan di Makmal Kerja Raya Malaysia yang beroperasi sepenuhnya di bawah CREAM," katanya.

Beliau turut berharap seminar itu akan menghasilkan buah fikiran untuk melihat industri pembinaan negara terus maju dan berdaya saing. "Komitmen yang diberikan oleh Kementerian Kerja Raya akan menjadi asas kekuatan untuk CREAM terus melangkah ke depan mendepani cabaran penyelidikan untuk terus memelopori pentas penyelidikan di peringkat global," katanya.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2014/05/07/cream-cidb-jalankan-penyelidikan-berkonsep-pembangunan-mapan/#ixzz3oMsoa0Pe>

Utusan Malaysia:

Bangunan Perdana Putra capai platinum GBI

OLEH SAIFULIZAM MOHAMAD/NAR PENGARANG@UTUSAN.COM | 09 September 2014 2:51 AM



NAJIB Tun Razak diiringi Muhyiddin Yassin meninjau sekitar Bangunan Perdana Putra yang diiktiraf bangunan hijau berprestasi tinggi selepas penyerahan sijil platinum GBI oleh Kumpulan KFM Holdings Sdn. Bhd. Turut kelihatan Nurolamin Abas (depan, kiri) dan Fardan Abdul Majid (kanan). - UTUSAN/RASHID MAHFOF

PUTRAJAYA 8 Sept. - Bangunan Perdana Putra yang menempatkan pejabat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, pejabat Ketua Setiausaha Negara serta agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) berjaya mencapai penarafan platinum dalam indeks bangunan hijau (GBI). Kejayaan itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam ucapannya pada majlis penyerahan sijil platinum GBI di bangunan berkenaan, di sini hari ini. Hasil kejayaan tersebut Perdana Menteri berkata, Bangunan Perdana Putra kini merupakan salah satu bangunan yang paling cekap tenaga di Malaysia dan dikategorikan sebagai bangunan hijau berprestasi tinggi. "Saya berharap kejayaan ini mampu menjadi pemangkin kepada inisiatif serupa di seluruh Malaysia," katanya ketika berucap pada majlis tersebut yang turut dihadiri oleh Timbalan beliau, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Selain Muhyiddin, yang turut hadir ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Ketua Eksekutif Kumpulan KFM Holdings Sdn. Bhd., Nuro lamin Abas dan Naib Presiden Eksekutif KFM Holdings, Fardan Abdul Majid.

KFM Holdings telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan usaha-usaha menjadikan Bangunan Perdana Putra sebagai bangunan hijau, sekali gus menyaksikan bangunan itu ditingkatkan dari segi kecekapan tenaga. Dalam perkembangan berkaitan, Najib berkata, sejajar dengan kejayaan Bangunan Perdana Putra sebagai bangunan hijau, tahap kecekapan tenaga yang dihasilkan di bangunan tersebut ketika ini lebih satu pertiga berbanding sebelumnya. "Pada 2010 kadar intensiti (keamatan) tenaga bangunan di Perdana Putra adalah sebanyak 138 tetapi pada masa ini kadarnya cuma 85 sahaja," katanya lagi. Perdana Menteri dalam ucapannya turut melahirkan harapan untuk melihat seluruh Putrajaya berubah menjadi sebuah bandar hijau dan pintar yang mampu memperlihatkan kemajuan ekonomi dan teknologi di negara ini.

Terdahulu pada awal ucapannya Najib memberi penekanan mengenai senario perubahan iklim yang boleh mengancam kehidupan manusia khususnya generasi akan datang sekiranya tiada langkah sewajarnya diambil. "(Oleh itu) Semasa Sidang Kemuncak Iklim Copenhagen 2009, saya telah berikrar untuk mengurangkan intensiti pelepasan karbon sehingga 40 peratus menjelang tahun 2020. "Ikrar ini dibuat atas dua sebab utama. Pertama, menjadi tanggungjawab kepada semua pihak untuk menghalang sebarang bahaya akibat perubahan iklim ini. Perubahan iklim boleh mengancam kehidupan kita, oleh itu kita semua mesti bertindak mengurangkan pelepasan bagi menjamin masa depan anak-anak kita," katanya. Sebab kedua beliau berkata, melalui langkah-langkah mengurangkan pelepasan terutama menangani pencemaran karbon dengan menggunakan teknologi baik untuk pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/bangunan-perdana-putra-capai-platinum-gbi-1.3642>

Kerajaan galakkan pembinaan bangunan hijau

12 November 2014 2:41 AM

KUALA LUMPUR 11 Nov – Kerajaan sentiasa memberi galakan kepada pihak pemaju di negara ini untuk menyediakan rekaan bangunan yang mempunyai ciri-ciri bangunan hijau sebagai langkah proaktif pada masa depan. Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, langkah tersebut akan dilaksanakan secara berterusan meskipun wujud kekangan dari segi peraturan rekaan bangunan. "Pemaju perlu menghantar rekaan bangunan yang telah

disiapkan kepada majlis bandar raya untuk kebenaran merancang. Sehingga kini sudah ada rekaan bangunan daripada pemaju yang mempunyai ciri-ciri bangunan hijau. “Ini termasuk rekaan pendiri-ngin hawa, tadahan air hujan yang boleh digunakan di semua tandas bagi membolehkan air terawat digunakan untuk tujuan lain,” katanya dalam sidang Dewan Rak-yat, hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Dr. Marcus Mojigoh (BN-Putatan) yang ingin tahu sama ada kerajaan menggalakkan pemaju mematuhi rekaan bangunan bercirikan bangunan hijau bagi merealisasikan hasrat melestarikan alam sekitar. Dalam pada itu, Mahdzir memberitahu, semua negeri termasuk di Kota Kinabalu, Kuching serta beberapa bandar lain setakat ini mempunyai bangunan bersifat mesra alam dan mencapai pengiktirafan Indeks Bangunan Hijau (GBI). “Ada beberapa bangunan hijau yang berstatus perak, emas dan platinum. Namun bangunan berstatus platinum masih tidak banyak,” tambahnya.

Beliau turut memberi jaminan bahawa kerajaan akan terus memberi galakan kepada pemaju untuk membangunkan bangunan menepati garis panduan GBI. Menjawab soalan tambahan Dr. Che Rosli Che Mat (Pas-Hulu Langat), Mahdzir berkata, kerajaan juga akan menggiatkan pelbagai program kesedaran kepada masyarakat mengenai teknologi hijau dan bangunan hijau. Menurutnya, kerajaan telah menubuhkan Yayasan Hijau Malaysia bertujuan membantu kerajaan meningkatkan kesedaran dan menggalakkan gaya hidup mementingkan alam sekitar dalam kalangan rakyat.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kerajaan-galakkan-pembinaan-bangunan-hijau-1.23723>

Dua lagi bangunan hijau dibina di Sarawak – Michael

04 Disember 2014 12:32 AM

KUCHING 3 Dis. – Dua bangunan hijau bakal dibina di negeri ini selepas Menara Sarawak Energy Berhad (SEB) menjadi bangunan pertama memperoleh pensijilan Indeks Ba-ngunan Hijau (GBI) pada tahun lalu. Menteri Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan, Datuk Seri Michael Manyin Jawong berkata, dua bangunan tersebut ialah Universiti Kolej Teknologi Sarawak (UCTS) Kampus Sibu dan Muzium Sarawak yang baharu. Katanya, tiga faktor utama dikenal pasti menyebabkan tidak banyak bangunan hijau dibina di sini kerana kurang pengetahuan, kekurangan sumber kewangan atau galakan insentif dan kos pembinaan yang lebih tinggi. “Bangunan hijau adalah konsep yang sangat baharu kepada Sarawak, selain kekangan dihadapi kontraktor dan pemaju khususnya dari segi sumber kewangan. “Ini kerana kos untuk membina bangunan hijau 30 peratus lebih mahal berbanding kos membina bangunan konvensional,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Bangunan Hijau dan Dunia Taman 2014 di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCCK) semalam. Mengulas lanjut, beliau berkata, justeru itu, penyelesaian terbaik mengatasi perbezaan kos pembinaan yang agak tinggi perlu dicari bagi menggalakkan lagi pembinaan bangunan hijau. “Faktor itulah yang paling ‘ditakuti’ syarikat kontraktor dan pemaju untuk membina lebih banyak bangunan hijau. “Maka pakar dan pemain industri di wilayah ini harus membuat kajian mendalam mengenai perbandingan kos serta pulangan bakal diperoleh selepas lima hingga 10 tahun dan seterusnya pelaksanaan konsep ini,” jelasnya.

Beliau berkata, sekiranya aspek itu berjaya diatasi, keyakinan pemain-pemain industri untuk membina lebih banyak bangunan hijau akan meningkat. “Kita juga akan menetapkan hala tuju yang jelas dan menyediakan pemahaman mengenai konsep berkenaan kepada pemain-pemain industri. “Kita (kerajaan negeri) akan terus menyokong kecemerlangan dalam program bangunan hijau dan berterusan meningkatkan usaha menambah baik reka bentuk serta pembinaan bangunan hijau di negeri ini,” ujarnya.

<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/dua-lagi-bangunan-hijau-8232-dibina-di-sarawak-8211-michael-1.32269>

Ikon perumahan unggul MK Land

AMIRUL AIMAN ANUAR | 10 Disember 2014 1:57 AM



K. Krishnamoorthy menunjukkan model rumah The Rafflesia @ Hill di Petaling Jaya baru-baru ini. – UTUSAN/Kamal Basir Wahab

PETALING JAYA 9 Dis. - MK Land melalui syarikatnya, Saujana Triangle Sdn. Bhd. memajukan projek hartanah Armanee Terrace II dan Rafflesia @Hill di Damansara Perdana yang siap dalam tempoh lima tahun akan datang. Pengurus Besar Kanan Bahagian Jualan dan Pemasaran MK Land, K. Krishnamoorthy berkata, projek perumahan mewah itu dibangunkan di atas tanah seluas 13.67 hektar dengan menyasarkan pembeli yang mengimpikan kediaman mewah di pinggir bandar.

Beliau berkata, kawasan berkenaan dikelilingi pembangunan dan kemudahan pasar raya ternama seperti Ikea, Ikano Power Centre, 1-Utama, Tesco, pusat beli-belah The Curve, selain turut mempunyai akses ke jalan raya utama yang menaikkan lagi daya tarikan kawasan itu. “Rafflesia adalah projek perumahan tiga tingkat berkembar pertama seumpamanya di Damansara Perdana yang selama ini lebih menumpukan kepada projek-projek pangsapuri dan kondominium. Rafflesia dibangunkan dengan tiga fasa iaitu @Park, @Hill dan @Peak yang akan siap secara berperingkat

dalam tempoh lima tahun lagi. "Rafflesia @Hill terletak atas kawasan seluas 7.27 hektar dengan landskap taman rekreasi dan tasik meliputi 3.23 hektar. Projek ini memperincikan reka bentuk mesra alam dan berkualiti tinggi bagi memenuhi pensijilan 'Green Building Index'," katanya kepada Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

Menurut Krishnamoorthy, syarikat baru-baru ini mengadakan pertunjukan hartanah bagi projek Armanee Terrace II dan Rafflesia @Hill di Damansara Perdana Sales Gallery @ Central Park. Jelas beliau, Armanee Terrace II telah mencatat jualan memberangsangkan dengan lebih 80 peratus unit telah dijual, manakala Rafflesia @Hill yang kini dalam fasa pertama pembinaan membabitkan 36 unit. "Harga seunit kediaman Armanee Terrace II antara RM1.3 juta hingga RM1.9 juta manakala unit 'penthouse' berharga RM4.8 juta seunit. Bagi kediaman Rafflesia pula bermula daripada RM3.4 juta seunit," katanya. Krishnamoorthy berkata, Rafflesia @Hill mempunyai reka bentuk unik dengan dilengkapi tenaga solar bagi mengurangkan ketelusan haba, pada masa sama memberi pengudaraan yang baik di dalam rumah. "Ciri-ciri unik lain ialah setiap rumah dilengkapi tangki air yang direka khas untuk mengumpul air hujan, jakuzi di bilik mandi utama, lif dan sistem penggera ke-selamatan," kata-nya.

<http://www.utusan.com.my/bisnes/korporat/ikon-perumahan-8232-unggul-mk-land-1.34701>

Laksana sistem kumpul air hujan dilaksanakan

OLEH NORLIZA MOHAMAD ZAKARIA UTUSANMELAKA@UTUSAN.COM.MY | 10 September 2014
3:25 AM

MELAKA 9 Sept. - Kerajaan negeri berkemungkinan akan melaksanakan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) bagi menjayakan pembangunan perumahan berteraskan teknologi hijau di negeri ini.

Penggunaan SPAH sebagai inisiatif penjimatan air bagi aktiviti harian seperti menyiram pokok dan mencuci kereta itu merupakan antara indikator yang dicapai dalam resolusi yang dibentangkan oleh kumpulan perancang antara agensi (IAPG) perumahan dalam Seminar Melaka Maju Negeriku Sayang Fasa Dua. Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, cadangan itu boleh berlaku malah program-program kesedaran perlu digalakkan lagi bagi mendidik masyarakat sebagai pengguna. "Sistem takungan air sebenarnya telah diamalkan sejak sekian lama, kalau kita lihat rumah-rumah lama malah di Jalan Jonker pun kesemua rumah-rumah itu dibukakan atapnya di bahagian dapur bagi tujuan takungan air. "Bukan itu sahaja, di rumah-rumah kampung misalnya, tempat basuh kaki sebelum masuk ke rumah, airnya diperoleh daripada atap (bumbung) yang menakung air hujan.

"Jika Melaka ingin menjadi sebuah negeri maju berlandaskan teknologi hijau, kita tidak boleh lari daripada indeks bangunan hijau, perlu lalui proses itu sekurang-kurangnya kawasan-kawasan perumahan yang mempunyai harga lebih tinggi daripada rumah-rumah biasa," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan pembentangan resolusi seminar tersebut di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh di sini hari ini.

Resolusi IAPG perumahan dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ismail Othman. Dalam pada itu, kata Idris, proses

www.innovacia.com.my
info@innovacia.com.my

Experience Innovation. Outsource it to us.

pembentangan resolusi itu meletakkan Melaka ke arah sasaran-sasaran yang lebih objektif pada masa hadapan. Katanya, semua resolusi yang telah dibentangkan, mengambil kira pelbagai proses kerja yang saling berkaitan antara satu sama lain.

<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/melaka/laksana-sistem-kumpul-air-hujan-dilaksanakan-1.4300>

Rekaan Menara DBKL 2 berciri komuniti

15 November 2014 2:17 AM

KUALA LUMPUR 14 Nov. – Senibina menara rekaan Hijjas Kasturi Associates Sdn. Bhd. dipilih sebagai reka bentuk menara baharu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) 2 yang dijangka pembinaannya pada akhir tahun depan. Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, Hijjas Kasturi memiliki kriteria yang dikehendaki oleh DBKL dalam menghasilkan menara baharu itu terutamanya ber-asaskan komuniti.

“Rekaannya yang unik, kontemporari menampilkan empat buah menara dengan salah satunya menjadi menara utama setinggi 57 tingkat bakal menjadi mercu tanda baharu kepada bandar raya Kuala Lumpur. “Bangunan yang berteknologi tinggi, mesra alam, bangunan karbon rendah dengan mencapai indeks Hijau pada tahap “emas” bakal menjadi milik kepada seluruh warga kota apabila direka secara terbuka,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas me-rasmi dan menyampaikan hadiah Pertandingan Reka bentuk Senibina Menara DBKL 2 di Mega View, Menara Kuala Lumpur di sini, semalam. Yang turut hadir Ahli Lembaga Penasihat DBKL, Datuk Abdul Ghani Pateh Akhir dan Timbalan Ketua Pengarah DBKL, Datuk Mohd. Najib Mohd.

Ahmad Phesal berkata, Bangunan Menara DBKL 2 yang asalnya merupakan bangunan Wisma PKNS dibeli oleh DBKL pada tahun 2008, telah berusia hampir 40 tahun. “Bangunan ini akan dirobohkan sepenuhnya bagi memberi laluan kepada pembinaan bangunan baharu. “Bangunan Menara 1, tidak akan terjejas kerana ia merupakan bangunan yang termasuk dalam Bangunan Warisan Kuala Lumpur dan bakal disambungkan dengan Menara 2 dengan memberikan satu ruang yang lebih luas kepada orang ramai untuk melakukan pelbagai aktiviti,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Hijjas Kasturi, Serina Hijjas berkata rekaan Bangunan Menara DBKL 2 ini tetap mengekalkan elemen rekaan tradisional dengan mengambil konsep tanjak atau tengkolok yang menjadi pema-kaian kaum lelaki Melayu dahulu kala, namun bersifat futuristik sesuai dengan hasrat menjadikan Kuala Lumpur bandar raya bertaraf dunia.

<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/rekaan-menara-dbkl-2-berciri-komuniti-1.24812>

PMK terap budaya teknologi hijau

10 Disember 2014 12:28 AM

MELAKA 9 Dis. – Politeknik Melaka (PMK) sentiasa memberi sokongan dan kerjasama terhadap usaha kerajaan negeri dalam menjayakan agenda Negeri Bandar Teknologi Hijau dengan mengaplikasikan pelbagai idea, cara serta pelaksanaan dalam kehidupan seharian. Timbalan Pengerusi Polygreen PMK, Abdul Aziz Abu Bakar berkata, amalan itu diterapkan melalui rekaan-rekaan berlandaskan inovasi yang menggunakan konsep teknologi hijau.

Menurutnya, antaranya rekan tersebut ialah produk Greentech High Capacity Bin yang memenangi Anugerah Inovasi Terbaik Kategori Mesin Peralatan dan Proses Pengilangan pada pertandingan National Innovation & Invention Competition Through Exhibition 2014. "Program Say No To Polystyrene juga dijadikan amalan di politeknik ini dengan memberi galakan membawa bekas makanan sendiri sekiranya ingin membawa pulang makanan yang dibeli oleh mereka. "Inisiatif ini bertujuan menerapkan budaya amalan hijau dalam kalangan warga politeknik bagi memelihara alam sekitar supaya kita tidak leka dengan semua kemudahan yang ada tanpa memikirkan impak setiap tindakan yang dilakukan," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Aziz berkata, baru-baru ini satu seminar kepentingan teknologi hijau diadakan yang disertai seramai 35 ahli Kelab Mesra Alam. Katanya, seminar anjuran Jawatankuasa Green PMK itu bertujuan memberi peluang kepada para pelajar mendalami kebaikan serta manfaat Teknologi Hijau dalam kehidupan seharian yang disampaikan oleh Pengurus Projek Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (PTHM), Mohd. Hafizam Mustaffa. "Kita harap para pelajar mendapat manfaat dan maklumat yang berguna mengenai kepentingan teknologi ini untuk diaplikasikan dalam kehidupan," katanya.

<http://www.utusan.com.my/pendidikan/kampus/pmk-terap-budaya-teknologi-hijau-1.34548>

Pelan Strategik Teknologi Hijau dilancar tidak lama lagi

17 Oktober 2014 2:34 AM

KUALA LUMPUR 16 Okt. - Kerajaan akan melancarkan Pelan Strategik Teknologi Hijau dalam tempoh tidak berapa lama lagi sebagai kesinambungan kepada Polisi Teknologi Hijau Kebangsaan yang mula diperkenalkan sejak 2009.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, pelan strategik tersebut akan menjadi testimoni kepada usaha bersungguh-sungguh kerajaan untuk menyediakan hala tuju jelas dalam pelaburan teknologi hijau. Katanya, kerajaan percaya melalui dasar serta rangka kerja kukuh, langkah itu berupaya menggalakkan pelaburan lebih besar dalam segmen teknologi hijau terutama berkait isu air, tenaga, keselamatan makanan dan kesihatan. "Isu perubahan iklim, kekurangan sumber dan kemusnahan alam sekitar adalah cabaran yang perlu diatasi masyarakat dunia dan tidak terkecuali Malaysia kerana ia faktor penting seiring usaha kita untuk muncul sebagai negara maju. "Maka, kerajaan komited mahu mewujudkan ekosistem yang cekap termasuk menawarkan akses lebih baik menerusi penyediaan kredit dan insentif bagi menggalak pelaburan dalam teknologi

hijau," katanya ketika merasmikan Persidangan dan Pameran Teknologi Hijau serta Eko Produk Antarabangsa Malaysia (IGEM) 2014, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili; Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Idris Haron; Menteri Tenaga Brunei, Datuk Dr. Mohammad Yasmin Umar dan Menteri Alam Sekitar Kemboja, Say Samal. IGEM 2014 yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini disertai 200 pempamer dari 14 negara, dengan sasaran 60,000 pengunjung manakala transaksi perniagaan diyakini mampu mencecah RM1.2 bilion. Muhyiddin menambah, pelaburan dalam teknologi hijau menjanjikan pulangan menguntungkan untuk negara kerana permintaan masyarakat antarabangsa bagi produk yang mesra alam pada tahun 2008 sahaja adalah RM4.4 trilion. Jumlah itu, jelasnya, bakal melonjak dua kali ganda pada 2020 sebagaimana jangkaan Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP) dan Pertubuhan Pekerjaan Antarabangsa (ILO) menyebabkan Malaysia tidak boleh ketinggalan.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/pelan-strategik-teknologi-hijau-dilancar-tidak-lama-lagi-1.13693>

Naik taraf 9 'bangunan hijau'

OLEH FADZLY IZAB UTUSANMELAKA@UTUSAN.COM.MY | 03 Oktober 2014 2:40 AM

MELAKA 2 Okt. - Sebanyak sembilan bangunan terpilih di negeri ini akan dinaik taraf mengikut standard pematuhan bangunan hijau (Green Building Compliance) bermula awal tahun hadapan bagi menyokong hasrat Melaka ke arah Negeri Teknologi Hijau menjelang 2020.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron (gambar) berkata, bagi peringkat permulaan, sebanyak tiga bangunan telah dikenal pasti untuk pelaksanaan standard tersebut iaitu Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Seri Negeri dan Hospital Pakar Putra. Menurutnya, pelaksanaan kerja menaik taraf bangunan-bangunan berkenaan secara berperingkat-peringkat dengan kos sebanyak RM30 juta kelak akan membantu kerajaan negeri serta pihak berkaitan dalam mengurangkan penggunaan tenaga elektrik seterusnya mencapai hasrat tersebut. "Usaha naik taraf kesemua bangunan berkenaan telah dipersetujui oleh pihak Danish Climate Investment Fund ketika lawatan ke Eropah Utara baru-baru ini dan dijangka akan dimulakan secepat mungkin tahun hadapan," katanya. Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena perhimpunan bulanan kerajaan negeri di Seri Negeri, Ayer Keroh, di sini hari ini.

Yang hadir sama Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Othman Muhamad, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Naim Abu Bakar dan Pengurus Besar Telekom Malaysia (TM) Melaka, Baderul Sham Saad. Jelas Idris, antara cadangan naik taraf bangunan tersebut termasuklah menggantikan penggunaan alat pendingin hawa kompresor kepada sistem pendingin ais beku yang ditiupkan menggunakan kipas. Selain itu, turut dicadangkan juga sistem simpanan air hujan sebagai untuk digunakan sebagai air tidak terawat bagi menyiram pokok bunga, membasuh kenderaan dan sebagainya tanpa perlu membazirkan sumber air bersih terawat.

Katanya, beberapa cadangan lain turut bakal dilaksanakan termasuklah penggunaan atap telus cahaya bagi mengurangkan penggunaan lampu di waktu siang serta sistem pemanas air dari tenaga

solar. "Dengan adanya sistem bercirikan teknologi hijau seperti ini, ia dilihat akan dapat membantu menjimatkan lagi kos bayaran bil elektrik bagi kegunaan alat pendingin hawa, lampu serta bil air," ujarnya. Tambah beliau, penerapan konsep serta amalan teknologi hijau diyakini boleh memelihara alam hijau dan menjadikan amalan ini sebagai gaya hidup bagi memastikan alam sekitar terus terpelihara. "Jika usaha ini dijayakan kelak, ia akan menjadikan Melaka sebagai negeri contoh kepada negeri lain terutamanya dalam pelaksanaan teknologi hijau," katanya.

<http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/melaka/naik-taraf-9-bangunan-hijau-1.10939>

Cyberjaya hab teknologi global

OLEH NAZLINA NADZARI EKONOMI@UTUSAN.COM.MY | 22 September 2014 2:02 AM

CYBERJAYA 21 Sept. - Cyberview Sdn. Bhd. sedang merangka pelan ke arah menjadikan Cyberjaya sebagai hab teknologi global menjelang 2020, dengan penekanan dalam bidang teknologi komunikasi maklumat (ICT) serta bukan ICT.

Pengarah Urusannya, Faris Yahaya berkata, beliau yakin usaha tersebut dapat mewujudkan 18,000 pekerjaan selain menarik sembilan syarikat multinasional baharu melabur di Cyberjaya menjelang tahun 2020. Beliau berkata, pihaknya telah menjalankan kajian komprehensif bagi mengenal pasti lima bidang ICT baharu dan baru muncul iaitu keselamatan informasi, teknologi kandungan kreatif, internet mudah alih, pengkomputeran awan dan analitis data besar yang akan menjadi fokus di Cyberjaya.

Katanya, kajian yang dibuat juga telah mengenal pasti empat kluster teknologi lain yang berpotensi dan akan diberi penekanan iaitu teknologi hijau, bioteknologi, teknologi boleh pakai dan grid pintar. "Objektif menjadikan Cyberjaya sebagai hab teknologi global adalah bagi merangsang pembuatan teknologi tahap tinggi di negara ini, di samping mengembalikan kedudukan Cyberjaya sebagai lokasi pelaburan kepada syarikat teknologi. "Bagi menjayakannya kita perlu menyediakan kemudahan serta infrastruktur yang mencapai standard ditetapkan. "Selain itu, peruntukan sebanyak kira-kira RM1 bilion diperlukan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan yang dikehendaki," katanya ketika ditemui Utusan Malaysia di pejabatnya minggu lalu.

Sementara itu, beliau berkata, bagi menjayakan usaha terbabit Cyberview akan bekerjasama dengan pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan dan swasta. "Kami telah memberi penerangan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi memastikan bahawa inisiatif untuk menjadikan Cyberjaya sebagai hab teknologi global ini dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11)," ujarnya.

Menurut Faris lagi, pihaknya sedang mengkaji insentif dan syarat-syarat yang sesuai bagi menarik pelabur-pelabur dalam kalangan syarikat teknologi tinggi ke Cyberjaya. "Kami yakin dalam masa 12 bulan dari sekarang dapat mewujudkan insentif yang sesuai seperti insentif berkaitan cukai," jelasnya.

<http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/cyberjaya-hab-teknologi-global-1.6955>

SIRIM kenal pasti 23 teknologi untuk dikomersialkan

22 November 2014 2:37 AM

SHAH ALAM 21 Nov. – SIRIM Berhad (SIRIM) telah mengenal pasti 23 teknologi untuk dikomersialkan dalam tempoh tiga tahun bermula tahun ini. Kesemua teknologi itu dibahagikan kepada tiga bidang yang khusus bersesuaian dengan keperluan pasaran iaitu tenaga dan alam sekitar, teknologi perubahan serta loji dan mesin.

Menurut Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof, SIRIM telah membangunkan satu pelan atau roadmap bagi perancangan program pengkomersialannya, selaras dengan Tahun Pengkomersialan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), di samping memantau pengkomersialan teknologi agar berjalan lancar dan proses pemindahan kepada industri pula dapat dilaksanakan dengan lebih terperinci.

Beliau berkata, pelan tersebut juga akan turut memudahkan pihak industri untuk membuat perancangan dan mengetahui bila teknologi berkaitan telah sedia untuk dikomersialkan. Katanya, SIRIM telah membantu hampir semua industri dalam aspek teknologi dengan fokus sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kerana kebanyakan syarikat terbabit tidak mempunyai kepakaran dalam membangunkan teknologi masing-masing. “Antara produk inovasi yang berada di dalam roadmap ini adalah bateri LIPOS berasaskan teknologi lithium ion phosphate, projek Loji Pemproses Biogas dan tangki komposit CNG, Craniofacial dan Implan Titanium, Sistem Kitaran Air Solaerator dan Produk Hijau Bio Komposit,” katanya dalam satu temubual di pejabatnya di sini, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Zainal Abidin berkata, model pengkomersialan SIRIM sebelum ini lebih kepada pelesenan teknologi kepada industri dan sebaik sahaja teknologi dipindahkan kepada syarikat tempatan pembangunan teknologi dari SIRIM bagi produk tersebut akan terhenti setakat ini sahaja. Bagaimanapun jelas beliau, melalui pelan pengkomersialan SIRIM yang baharu ini, syarikat tempatan digalakkan untuk terlibat dalam kaedah usahasama. “Kaedah ini pertama sekali membolehkan teknologi yang dibangunkan boleh terus dikembangkan mengikut keperluan dan ke-sesuaian semasa dan kedua, membolehkan syarikat tempatan lebih serius dalam penguasaan teknologi ini kerana mereka mempunyai penglibatan secara langsung yang seterusnya memberi manfaat jangka panjang kepada mereka,” katanya.

Beberapa teknologi SIRIM yang telahpun berjaya di pasaran adalah GranuMAS yang dilesenkan kepada Granulab yang mempunyai kilang pengeluaran di Kota Kemuning, Shah Alam; XanzWhite dilesenkan kepada Sireh Mas Marketing Sdn. Bhd. di mana SIRIM telah membantu syarikat ini memba-ngunkan kilang bertaraf GMP melalui latihan dan khidmat perundingan yang dikehendaki oleh SIRIM.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/sirim-kenal-pasti-23-teknologi-untuk-dikomersialkan-1.27694>